

Arahan : Pilih Kata Majmuk yang sesuai untuk melengkapkan ayat di bawah.

suri rumah	surat khabar	tali leher	merah jambu
lalu lintas	kereta kebal	salah faham	ibu jari
jam tangan	harta pusaka	pakaian sukan	mata pelajaran

1. Tentera Darat Diraja Malaysia menggunakan _____ untuk mempertahankan tanah air daripada serangan penceroboh.
2. Kesesakan _____ berpunca daripada lampu isyarat yang tidak berfungsi.
3. Murid sekolah SK Taman Anggerik dikehendaki untuk memakai _____ untuk acara senam robik pada hari esok.
4. _____ tangan Karim berdarah kerana terhiris pisau yang tajam.
5. Siti sentiasa mengulang kaji semua _____ selepas kelas atas talian bersama gurunya.
6. Datuk telah mewasiatkan sejumlah _____ kepada semua anaknya.
7. Ibu Raihan menjadi seorang _____ sepenuh masa sejak berhenti kerja setahun yang lalu.
8. _____ antara Habib dan Khairul telah diselesaikan oleh Cikgu Azam.
9. Ayah telah menghadiahkan sebuah _____ kepada ibu sempena Ulang Tahun Kelahirannya.
10. Pakcik Tan masih membeli _____ lama untuk dijual di pekan.
11. Abang membeli _____ baharu sempena hari pertama dia memasuki alam pekerjaan.
12. Tema baju raya keluarga Haris tahun hadapan adalah warna _____.